

**Mukhriz menghadap Agong di Istana Negara pagi ini**  
**Utusan Online**  
**8 Mei, 2013**  
**Oleh SAHBULAH DARWI**

ALOR SETAR 8 Mei - Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Tun Mahathir dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara, Kuala Lumpur hari ini.

Menurut sumber terdekat Menteri Besar, Tuanku Abdul Halim yang juga Sultan Kedah berkenan mencemar duli bertemu Mukhriz pada pukul 11 ini.

"Kemudian Menteri Besar dijadual menghadiri majlis perpisahan dengan kakitangan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada pukul 2 petang ini," katanya kepada *Utusan Online* di sini pada pukul 10 ini.

Mukhriz yang kini merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Hitam adalah bekas Timbalan Menteri kementerian tersebut dan juga bekas Ahli Parlimen Jerlun. -  
ONLINE UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130508/dn\\_10/Mukhriz-menghadap-Agong-di-Istana-Negara-pagi-ini](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130508/dn_10/Mukhriz-menghadap-Agong-di-Istana-Negara-pagi-ini)